

MAHATHIR-BAHAN 'R' 'R' 'R

1982

REMAU, 17 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESA SEKTOR PEMBINAAN SUPAYA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA BAHAN-BAHAN BINAAN TEMPATAN DALAM PROJEK MASING-MASING SEBAGAI SATU LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN BAHAN TERSEBUT DALAM SEKTOR BERKENAAN. SEKTOR TERSEBUT JUGA PERLU MEMIKIRKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN YANG DIHASILKAN DARI SUMBER TEMPATAN SEKIRANYA MATLAMAT PERUMAHAN NEGARA HENDAK DICAPAI DENGAN SEMPURNA, KATA PERDANA MENTERI.

BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN SYARIKAT CEMBOARD SDN. BHD., DI CEMBONG DEKAT SINI -- SEBUAH SYARIKAT USAHASAMA ANTARA SYARIKAT TEMPATAN PESAKA ANTAH SDN. BHD. DENGAN SYARIKAT ALEXANDER SHAND DARI UNITED KINGDOM -- PERDANA MENTERI MENINGATKAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN BAHAWA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT SEKTOR AWAM DAN SWASTA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN SEJUMLAH 923,000 UNIT RUMAH BERBAGAI JENIS. --LAGI
1230/MD

MAHATHIR-BAHAN 2 REMBAU

BELIAU MENYEBUT POKOK-POKOK GETAH YANG SELAMA INI DIANGGAP SEBAGAI TIDAK BERGUNA SEBAGAI SALAH SATU SUMBER TEMPATAN YANG BERPOTENSI +YANG BOLEH DIJADIKAN BAHAN PERUSAHAAN YANG BERFAEDAH DAN MENGUNTUNGKAN.+

+OLEH KERANA MALAYSIA MERUPAKAN PENGELUAR GETAH ASLI TERBESAR DI DUNIA DAN SETIAP TAHUN BERIBU-RIBU POKOK GETAH DITEBANG BAGI PENANAMAN GEMULA, POTENSI KAYU GETAH SEBAGAI BAHAN PERUSAHAAN YANG BERFAEDAH DAN MENGUNTUNGKAN PERLU SEKALI DIBERI KEUTAMAAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT PENGGUNAAN KAYU GETAH SEBAGAI SUMBER BAHAN MEMBAKAR SEPERTI YANG DIAMALKAN SELAMA INI MERUPAKAN SATU PEMBAZIRAN YANG PATUT DIELAKKAN.

KILANG YANG BARU DIRASMIKAN ITU MENGELUARKAN PAPAPAN SIMEN YANG MENGGUNAKAN 70 PERATUS KAYU GETAH DAN 30 PERATUS SIMEN DENGAN MODAL SEBANYAK \$34 JUTA. IA MERUPAKAN KILANG SEUMPAMANYA YANG PERTAMA DITUBUHKAN DI RANTAU INI. --
LAGI 1300/MD

B544

MAHATHIR - BAHAN 3 REMBAU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENURUHAN KILANG TERSEBUT MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA MEMPUYAI PELUANG YANG LUAS BAGI PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER ASLI YANG BEGITU BANYAK TERDAPAT DI SELURUH PELUSUK TANAH AIR.

KATANYA, DALAM DEKAD INI KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA USAHA UNTUK MENINGKATKAN SEGALA PERUSAHAAN BERASASKAN SUMBER-SUMBER UTAMA YANG BOLEH MENAMBAHKAN NILAI KEPADA HASIL PENGELUARAN NEGARA DAN JUGA HASIL PERTUKARAN ASING.

PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BERASASKAN SUMBER-SUMBER DAN BAHAN-BAHAN TEMPATAN ADALAH DIBERI TEKANAN DALAM STRATEJI PEMBANGUNAN PERUSAHAAN NEGARA.

BELIAU BERKATA USAHAN-USAHA GIGIH HENDAKLAH DIBUAT BAGI MEMBOLEHKAN BAHAN-BAHAN KELUARAN KILANG TERSEBUT DIGUNAKAN DENGAN BERKESAN DAN MEMUASKAN DALAM PERUSAHAAN PEMBINAAN DI NEGARA INI.

KATANYA SEBAGAI SATU PERUSAHAAN MODEN YANG DIKENDALIKAN OLEH PAKAR-PAKAR, SESEBUAH PERUSAHAAN SEPERTI KILANG TERSEBUT TIDAK SEHARUSNYA MELIHAT KEPADA KERAJAAN SEBAGAI TEMPAT BERGANTUNG. --LAGI 1305/MD

B545

MAHATHIR-BAHAN 4 REMBAU

IA HARUS MENGGUNAKAN TEKNIK-TEKNIK PENGELUARAN, KAWALAN MUTU, PENYELIDIKAN DAN PEMASARAN YANG PROGRESIF BAGI MENINGKATKAN PRESTASINYA.

ORIENTASI SEPERTI INI ADALAH AMAT PENTING BAGI SESEBUAH PERUSAHAAN YANG JUGA AKAN MENGEKSPORT HASIL-HASIL KELUARANNYA, KATA BELIAU.

LAPAN PULUH PERATUS DARIPADA MODAL EQUITI SYARIKAT ITU OLEH PIHAK SYARIKAT ASING DAN SELEBIHNYA OLEH SYARIKAT TEMPATAN DAN MATLAMATNYA MENJELANG 1990 LALAH MENINGKATKAN PEGANGAN EQUITI BUMIPUTERA DARIPADA 20 PERATUS KEPADA 40 PERATUS DAN EQUITI BUKAN BUMIPUTRA KEPADA 20 PERATUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PENINGKATAN EQUITI BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA ADALAH LEBIH BAIK DELAKSANAKAN MELALUI PEMESARAN EQUITI DARIPADA MENGAMBIL ALIH BAHAGIAN EQUITI ASING.

DI SAMBING MENINGKATKAN EQUITI TEMPATAN ANGGOTA PENGURUSAN DAN PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN SEHARUSNYA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENPELAJARI SELOK BELOK KEWANGAN, PENGELUARAN, PEMASARAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT TERSEBUT, KATANYA. --LAGI 1310/MD

MAHATHIR - BAHAN 4 REMBAU

PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN YANG MENGEKSPORT KELUARANNYA KE PASARAN ANTARABANGSA MENGAWAL MUTU PENGELUARAN MEREKA.

+BARANG-BARANG BERMUTU RENDAH ADALAH CARA YANG PALING SENANG BAGI MENCEMARKAN IMEJ MALAYSIA DI PASARAN ANTARABANGSA DAN KITA TIDAK HARUS MENGEKSPORT BARANG-BARANG BERMUTU RENDAH KERANA HENDAK MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN CEPAT, + TEGASNYA. --BERNAMA

1315/MD